

01/08/2003

Jawatankuasa Umno bubar (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam membubarkan jawatankuasa di semua 165 bahagian Umno, pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja sehingga pemilihan parti tahun depan.

Jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu akan ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Berikutan keputusan itu juga, mereka yang menjadi ahli jawatankuasa bahagian sekarang boleh dilantik semula atau diganti dengan orang baru. Keputusan menentukan pelantikan penaja akan dibuat oleh Umno Pusat walaupun Perhubungan Umno Negeri boleh mengemukakan cadangan.

Perkara ini diumumkan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam sidang akhbar selepas mesyuarat MT Umno selama lebih dua jam yang dipengerusikan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini semalam.

Abdullah, yang diminta oleh Dr Mahathir mengumumkan perkara itu berkata, semua bahagian, termasuk yang terbabit dalam persempadanan semula serta pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri, akan diletak di bawah jawatankuasa penaja.

"Kita telah bincang tadi dan kita telahpun bersetuju bahawa semua bahagian parti akan diletakkan di bawah jawatankuasa penaja. Jawatankuasa penaja akan menguruskan parti di peringkat bahagian sehinggalah pemilihan parti diadakan," katanya.

Ditanya sama ada penyandang jawatan di peringkat bahagian sekarang akan dilantik semula atau digantikan dengan yang baru, beliau berkata:

"Mereka yang menjadi ahli jawatankuasa bahagian sekarang, semuanya boleh dilantik semula menjadi anggota jawatankuasa penaja atau pun kita boleh juga melantik orang lain".

Mengenai siapa yang akan memutuskan pelantikan ahli jawatankuasa penaja bahagian, beliau berkata, ia akan dibuat di peringkat Pusat dan pihak negeri pula akan mengemukakan cadangan.

Abdullah berkata, bila jawatankuasa penaja itu akan dilantik dan tarikh berkuat kuasa akan ditentukan kemudian.

Penubuhan jawatankuasa penaja bagi 25 kawasan baru dilakukan berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Jun lalu.

Persempadanan semula itu membabitkan pertambahan kerusi Parlimen sebanyak 25 kerusi menjadi 219 daripada 194 yang ada sekarang ini manakala kerusi DUN bertambah sebanyak 63 kerusi menjadi 503 kerusi berbanding dengan 440 kerusi ketika ini.

Johor mendapat tambahan enam kerusi Parlimen atau enam bahagian Umno yang baru; lima (Selangor); tiga (Pahang); dua (Pulau Pinang) dan masing-masing satu bagi Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Negeri Sembilan; Melaka dan lima kerusi Parlimen bagi Sabah.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz yang ditemui pemberita selepas itu berkata, semua bahagian Wanita sudah mengemukakan cadangan senarai jawatankuasa penaja semalam, tarikh akhir untuk mereka berbuat demikian.

"Wanita tidak ada masalah kerana kebanyakan kawasan tidak bermasalah dan mungkin kebanyakan kepimpinan bahagian Wanita dikekalkan. Bagi 25 kawasan baru, kita akan lantik mereka yang paling kanan menjadi ketua atau

naib ketua bahagian," katanya.